

INFO@PUSTAKA

Perpustakaan Tuanku Bainun

Bil. 28/Jan-Jun 2019

ISSN :1675-7394



Pelancaran Read@UNI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



SIDANG REDAKSI

Siti Sumaizan Ramli
Penasihat



Najah Saghirah Haroman
Ketua Editor



Norha Muhammad
Pengarang



Suliza Osman
Pengarang



Muhammad Zuhad Abdul Aziz
Fotografi

DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

Tahun 2019 membuka lembaran baru dalam memperkasaikan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang lebih memberi fokus kepada ‘user engagement’. Ini kerana perkhidmatan yang memberi kepuasan kepada pengguna lebih bermakna dalam era digital dan IR 4.0. Dalam aspek pembacaan dan menyebar ilmu pengetahuan perpustakaan menyahut saranan Menteri Pendidikan Malaysia untuk menggalakkan budaya membaca rakyat Malaysia terutama warga universiti melalui program Read@Uni. PTB mengambil insiatif menganjurkan Let’s Talk@ UPSI yang membariskan pembicara daripada pelbagai kategori merangkumi Naib Canselor UPSI kepada staf akademik, pemain industri dan pesara universiti selain mengiktiraf Ikon Membaca dalam kalangan individu yang berpengaruh dan menjadi ‘role model’ bukan sahaja di peringkat UPSI tetapi merangkumi arena kebangsaan dan antarabangsa.



Dalam usaha untuk meningkatkan keterlibatan perpustakaan kepada masyarakat Muallim, perpustakaan terlibat dalam khidmat masyarakat terutama di sekolah-sekolah berdekatan dengan menganjurkan program literasi maklumat, penambahbaikan pusat sumber sekolah dan taklimat perkhidmatan serta keahlian perpustakaan. Lawatan dari pihak sekolah dan institusi pengajian tinggi juga diterima saban minggu untuk memberi pendedahan dan pengalaman baharu kepada pensyarah, pelajar dan guru-guru tentang kelangsungan perkhidmatan dan koleksi perpustakaan yang boleh menjadi rujukan untuk peningkatan ilmu pengetahuan. Aspek pendedahan yang mesra pengguna ini penting untuk menarik lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian di UPSI.

PTB yakin dan percaya segala usaha murni dan ilmiah dalam memasyarakatkan universiti dan menjadikan perpustakaan sebagai ‘learning space’ untuk pelbagai aktiviti yang dilaksanakan secara bersama akan memberi manfaat kepada warga universiti dan masyarakat.

“PTB sentiasa mempertingkatkan bahan bacaan yang relevan, bermutu dan terkini untuk diakses oleh warga UPSI, ahli dari warga sekolah dan masyarakat setempat untuk memperkuatkannya budaya membaca dan pembelajaran sepanjang hayat”.

Siti Sumaizan Ramli

Ketua Pustakawan

PELANCARAN READ@UNI

@PTB LIBRARY



6 Mac 2019 - Majlis Perasmian Read@Uni UPSI dan aktiviti *Let's Talk* oleh YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran, Naib Canselor UPSI. Terima kasih diucapkan kepada semua warga UPSI dan organisasi luar yang hadir perasmian program ini.



PELANCARAN READ@UNI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Perpustakaan Tuanku Bainun telah mengadakan majlis pelancaran Read@Uni pada 6 Mac 2019. Pelancaran telah disempurnakan oleh Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran. Perpustakaan Tuanku Bainun giat melaksanakan kempen galakan membaca seiring saranan Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM) untuk meningkatkan pembacaan dalam kalangan warga Universiti Awam dan Swasta. Seramai 370 orang yang terdiri daripada pelajar, kakitangan UPSI, ketua organisasi luar, Ketua-ketua Pustakawan dan kakitangan daripada 10 buah Universiti Awam dan Swasta menghadiri perasmian Read@Uni di UPSI.

Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran berkata, walaupun aktiviti sebegitu adalah biasa namun ia perlu dilaksanakan untuk mengembalikan semangat dan budaya membaca untuk menambah ilmu baharu dan meningkatkan pengetahuan. Menurut pandangan beliau, banyak inisiatif dan manfaat yang boleh dipelajari menerusi pembacaan dan berharap pelancaran Read@Uni tidak terhenti semasa pelancaran tetapi program membaca perlu diteruskan. Bersempena pelancaran Read@Uni, turut diadakan program *Let's Talk* siri pertama yang disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Mohammad Shatar bertajuk 'Be A Virus'. Program *Let's Talk* akan diteruskan setiap bulan sebagai salah satu pengisian Read@Uni di UPSI.

Ketua Pustakawan UPSI, Puan Siti Sumaizan Ramli berkata Read@Uni diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca dalam kalangan warga universiti, menyelaras pelaksanaan aktiviti yang memberi impak tinggi kepada golongan sasaran, serta meningkatkan tahap pembacaan warga universiti dan masyarakat setempat. Sepanjang kempen galakan membaca, PTB telah dan akan menjalankan pelbagai aktiviti antaranya Wacana Teromba sebagai alat komunikasi masyarakat Melayu, Ujana Ilmu : Kesihatan Mental Pembunuhan Dalam Diam, Seminar Kesultanan Melayu Perak, Jelajah Pustaka, Khidmat Masyarakat, Wacana Seni Dabus dan Pesta Buku UPSI Ke-17 anjuran bersama Pejabat Karang Mengarang, Wacana seni dabus di samping program *Let's Talk* secara bersiri.

Kerajaan memandang serius berhubung senario semasa iaitu budaya membaca masyarakat Malaysia dan pembacaan sebagai rekreasi serta tahap literasi di semua peringkat umur. Sejak dua dekad yang lalu, kempen membaca yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak dan masih belum mencapai tahap memuaskan dan perpustakaan perlu menjadi agen penggerak bagi menyemarakkan lagi kempen membaca di institusi masing-masing dan membantu dalam menyokong aspirasi KPM mewujudkan Dekad Membaca 2020.

LET'S TALK@UPSI SIRI 1

@PTB LIBRARY



Saksikan juga o.

f LIVE

Bersama
YBhg. Profesor Dato' Dr.
Mohammad Shatar bin Sabran

Rabu 6 Mac 2019 3.30 Petang
Perpustakaan Tuanku Bainun



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
SANI ISKANDAR UNIVERSITY

"LK@Uni adalah sebahagian daripada inisiatif Read@Uni UPSI."



Let's Talk@UPSI siri 1, 6 Mac 2019 - Let's Talk@UPSI bersama Naib Canselor UPSI, Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran bertajuk "Be A Virus" telah diadakan di ruang pelancaran Read@Uni, Aras 1 Perpustakaan Tuanku Bainun.



LET'S TALK@UPSI SIRI 2

@PTB LIBRARY

Let's Talk@UPSI

9 April 2019 - Pada jam 2.30 petang, aktiviti *Let's Talk@UPSI* siri 2 bersama YBhg. Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah , Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa UPSI) bertajuk "Iqra" telah diadakan di Ruang Koleksi Novel, Perpustakaan Tuanku Bainun. Terima kasih kepada semua yang sudi meluangkan masa untuk menyertai aktiviti ini.



LET'S TALK@UPSI SIRI 3

@PTB LIBRARY

Let's Talk@UPSI siri 3 telah diadakan pada 6 Mei 2019. Kali ini pembicara adalah Encik Mani Yangkatisal, merupakan Pengarah R&D Knowledge Spiral Sdn Bhd. Beliau membincarakan *Big Data: An Overview* bertempat di ruang Koleksi Novel, PTB.

The poster features a circular portrait of Mr. Mani Yangkatisal, a man with a mustache wearing a suit and tie. To his right is the event logo 'LET's TALK@UPSI' with a colorful swoosh graphic. Below the logo, it says 'Mr. Mani Yangkatisal' and 'Director of R&D, Knowledge Spiral Sdn. Bhd.'. The main title 'Big Data' is prominently displayed in large blue letters. Below the title, the date and time are listed: 'Isnin 6 Mei 2019 | 2.00 Petang | Ruang Koleksi Novel Aras 4 Perpustakaan Tuanku Bainun'. At the bottom right, there is a logo for 'SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY' with its name in English and Arabic.

LET's TALK@UPSI adalah sebahagian daripada inisiatif Read@Uni UPSI.



UJANA ILMU

Kesihatan Mental : Pembunuhan dalam diam

6 Mac 2019 - Berlangsung Ujana Ilmu sempena Read@Uni yang mengupas tajuk Kesihatan Mental : Pembunuhan Dalam Diam oleh YBhg. Prof. Dr. Rahmatullah Khan bin Abdul Wahab Khan, profesor Fakulti Pembangunan Manusia UPSI bersama moderator program YM Dr. Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan.



WACANA TEROMBA

4 Mac 2019 – Wacana Teromba Sebagai Alat Komunikasi Masyarakat Melayu dianjurkan oleh Perpustakaan Tuanku Bainun sempena Read@Uni. Wacana ini dibicarakan oleh Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Mohd Rosli bin Saludin bersama Datin Paduka Siti Hajar bt Raihan.



CAMPUS HUNT

Campus Hunt! menggantikan taklimat perpustakaan dalam minggu orientasi pelajar baru ambilan Februari 2019 bagi Program Ijazah Sarjana Muda Sesi 2018/2019. *Campus Hunt!* diadakan di Perpustakaan Tuanku Bainun bermula jam 8.30 pagi hingga 3.00 petang . Program *Campus Hunt!* ini merupakan inisiatif baru Jabatan Hal Ehwal Pelajar supaya pelajar mengenali semua jabatan dan pusat tanggungjawab dalam UPSI, di samping pelajar melihat sendiri lokasi, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan sepanjang pembelajaran mereka di universiti.



BENGKEL PENCARIAN MAKLUMAT



25 Februari 2019 - Perpustakaan Tuanku Bainun menerima lawatan dan bengkel pencarian maklumat Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa Lembah Pantai, Kuala Lumpur yang terdiri daripada 13 orang pelajar dan 3 orang pensyarah pengiring. Bengkel pencarian maklumat ini memberi manfaat kepada pelajar dalam membuat penyelidikan dan rujukan dalam pembelajaran.



BENGKEL EBSCO & CNKI

Pembangunan Repositori Institusi

Latihan Penggunaan Pangkalan Data Ebscohost

12 April 2019

10:00-12:30 am

Makmal IT



Latihan Penggunaan Pangkalan Data CNKI

10 April 2019, Wednesday


10.00 - 11.30 am

Makmal IT



PANGKALAN DATA PROQUEST

& PENYELIDIKAN AKADEMIK



PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR

& PEMILIHAN BUKU DI FAKULTI

Bahagian Perolehan, PTB telah menganjurkan sesi pemilihan buku untuk meningkatkan rujukan di perpustakaan. Pada kali ini pensyarah UPSI telah dibawa ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 3 April 2019. Dan pada 23-24 April telah diadakan sesi pemilihan buku di beberapa fakulti di UPSI.



LAWATAN KE PTB

Sepanjang Jan - Mac 2019



LAWATAN KE PTB

Sepanjang April - Jun 2019

Lawatan Sekolah / Institusi / Delegasi ke
Perpustakaan Tuanku Bainun



Kolej Vokasional Taiping
- 01/04/2019



Jbtn. Penerangan Batang Padang
- 03/04/2019



SMK Tun Syed Zahiruddin, Melaka
- 05/04/2019



Universitas Muhammadiyah Sumatera
- 08/04/2019



Gabungan Pelajar-pelajar Orang Asli
Seluruh Malaysia - 09/04/2019



University Fatoni, Thailand
- 09/04/2019



SK Sungai Buloh, Selangor
- 10/04/2019



Sek. Agama Men. Tinggi Kuala Kubu
Bharu - 11/04/2019



SMK Sri Pulai Perdana, Johor
- 12/04/2019



SMA Pulau Tawar, Jerantut, Pahang
- 17/04/2019

LAWATAN KE PTB

Sepanjang April - Jun 2019



YAYASAN WARISAN JOHOR

DAN KUNJUNGAN PROF. DR. MOHAMED HATTA

25 Jun 2019 - Perpustakaan Tuanku Bainun telah menerima lawatan kerja oleh Yayasan Warisan Johor (YWJ) bersama-sama dengan YBhg. Profesor Dr. Mohamed Hatta Shaharom, Pengurus Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka. Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk melihat semula bahan serta artifak Allahyarham Dr. Shaharom Husain (ayahanda kepada Prof Dr. Mohamed Hatta Shaharom) yang disimpan di dalam Perpustakaan Tuanku Bainun untuk dijadikan pameran berkala di Muzium Tokoh Johor. Semoga kerjasama ini dapat menjulang hasil sastera Dr. Shaharom Husain yang merupakan tokoh guru, sejarawan dan budayawan yang berjaya dalam bidang penulisan dan pendidikan.



LAWATAN KERJA PTB

ke Anjung Selatan



30 JANUARI 2019 - PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH UTHM



31 JANUARI 2019 - PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH




1 FEBRUARI 2019 - PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNIKAL
MALAYSIA

LIBRARY ROADTOUR

@Fakulti Pembangunan Manusia

23 April 2019 - Perpustakaan Tuanku Bainun menganjurkan *Library Roadtour@FPM* di foyer Fakulti Pembangunan Manusia (FPM), Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI. Program ini mendapat sambutan yang memberansangkan daripada pensyarah, pentadbir dan pelajar. Terdapat booth Info@Library, *Fun Corner*, pinjaman dan pemulangan buku, promosi sumber media dan sesi pemilihan buku baharu oleh pensyarah untuk dijadikan rujukan pelajar serta pensyarah dalam memantapkan koleksi perpustakaan.



MEMBACA 10 MINIT

23 April 2019-- Program Jom Baca Bersama 10 Minit telah diadakan di sekitar bangunan perpustakaan dengan disertai oleh pelawat luar, pengguna dan kakitangan perpustakaan. Perpustakaan mempunyai keyakinan program ini dapat meningkatkan budaya membaca ke arah membentuk rakyat Malaysia membaca dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Terima kasih kepada semua pengguna dan kakitangan perpustakaan yang telah terlibat dalam menjayakan progam ini!



KELAB KAKITANGAN

SEKITAR SAMBUTAN AIDILFITRI



Tahniah! Barisan kepimpinan KLik 2019/2020., yang diterajui oleh Saudara Rozman Che Ross. Dan jutaan terima kasih atas penganjuran sambutan hari raya PTB.



KANDUNGAN

INFO@PUSTAKA

DARI MEJA KETUA
PUSTAKAWAN

M/S 3

PELANCARAN READ@UNI

M/S 4

LET'S TALK 1 :BERSAMA
NAIB CANSELOR UPSI
'BE A VIRUS'

M/S 5

UJANA ILMU- KESIHATAN MENTAL :
PEMBUNUH DALAM DIAM

M/S 8

WACANA TEROMBA SEBAGAI ALAT
KOMUNIKASI MASYARAKAT MELAYU

M/S 9

LAWATAN YAYASAN WARISAN JOHOR

M/S 19

LIBRARY ROADTOUR @ FAKULTI
PEMBANGUNAN MANUSIA

M/S 21